

Bil.(60)dlm.JK/IP.39/54-A.

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH PERSEKUTUAN,
KUALA LUMPUR. 01-02.
18hb. November, 1980.

Semua:

Setiausaha Kepada Hakim,
Mahkamah Persekutuan Tinggi,
Semenanjung.

PEKELILING PENDAFTAR -'A' - Bil.22/80.

Tempahan Kereta-Kereta Rasmi
Untuk Yang Arif Hakim.

Saya dapati beberapa kesulitan daripada segi pelepasan cukai jualan, cukai import, pembayaran dan tempahan tanpa kelulusan Perbendaharaan telah timbul apabila kereta baru/ganti untuk Y.A.Hakim dibuat terus tanpa melalui Ibu Pejabat ini.

2. Untuk mengelak daripada berlakunya kesulitan seperti itu dimasa hadapan, mulai daripada tarikh surat ini, semua tempahan kepada Syarikat Pembekal kereta hendaklah dibuat melalui saya.

3. Kereta-kereta Hakim yang telah dibeli lebih daripada 5 tahun adalah layak untuk diganti baru, oleh itu anggaran harga kereta tersebut hendaklah dimasukkan dalam anggaran belanjawan tahunan Mahkamah Tinggi yang berkenaan. Walau bagaimanapun, jika tempuhnya kurang daripada 5 tahun tetapi di perakukan supaya diganti oleh Jabatan Kerja Raya, ganti kereta itu boleh juga dibuat.

4. Apabila Y.A Hakim bercadang untuk menempah kereta ganti/baru, sila kemukakan kepada saya jenis model kereta yang hendak dibeli, anggaran harga kereta, nilai cukai-cukai yang dikenakan, waran kereta (mengikut susunan jika lebih daripada 1 warna) dan nama Syarikat Pembekalnya. Keterangan-keterangan mengenai perkara ini boleh didapati daripada Syarikat Pembekal yang berkenaan. Sila juga beritahu jika ada nombor Pendaftaran yang diperlukan.

T.T.

(Siti Norma Yaakob),

KETUA PENDAFTAR.

s.k.

Ketua Pegawai Pentadbir,

Pegawai Pentadbir,

Pegawai Kerja Akaun.